

30 SEP 2002

Najib-Jepun/I

NAJIB SAMPAIKAN PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP IRAQ KEPADA JEPUN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyampaikan kepada Jepun pendirian Malaysia mengenai keganasan dan keputusannya untuk tidak menyokong tindakan ketenteraan yang tidak wajar terhadap Iraq.

Dalam pertemuannya dengan Junichiro Koizumi di Tokyo pagi ini, Najib memberitahu Perdana Menteri Jepun itu bahawa tiada alasan yang mewajarkan tindakan ketenteraan terhadap Iraq.

"Tindakan seperti itu hanya akan menggugat lagi kestabilan dunia. Pada peringkat ini, keutamaan perlu diberi kepada masalah Palestin," kata beliau kepada Bernama apabila dihubungi di ibu negara Jepun.

Najib kini berada dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke Jepun atas jemputan Yayasan Nippon dan Yayasan Keamanan Sasakawa.

Najib berkata tindakan ketenteraan hanya akan mencetuskan kemarahan dan menyebabkan lebih ramai menjadi penganas.

Malaysia sentiasa menekankan perlunya mencari dan menangani punca akar umbi keganasan dalam membanteras keganasan.

Menurut Najib, semasa pertemuan selama 25-minit bersama Koizumi, beliau juga menyampaikan pujian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin Jepun itu kerana inisiatif terbarunya untuk menemui pemimpin-pemimpin Korea Utara.

Menurut Najib, Koizumi juga ada menyatakan mengenai perbincangan beliau bersama Dr Mahathir di Copenhagen semasa Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) minggu lepas di mana mereka berbincang bagaimana untuk meningkatkan tahap kemahiran teknikal bagi warga Malaysia dan cadangan penubuhan Universiti Teknikal di Malaysia.

Di Jepun, Najib dijadual menyampaikan ucapan kepada para akademik Jepun dan eksekutif-eksekutif di Kelab Wartawan Jepun dan bertemu dengan anggota-anggota Kumpulan Parlimen Malaysia-Jepun.

-- BERNAMA

AFY AHH PR